

Pembangunan moden tetap pertahan imej perkampungan Melayu

SUDAH berdekad-dekad lamanya Kampung Baru di ibu negara buntu untuk dibangunkan antara lain disebabkan status tanahnya dan lot tanah itu pula mempunyai banyak penama. Banyak lagi halangan lain dihadapi dan bentuknya begitu unik, menyebabkan usaha memajukan Kampung Baru bukan semudah yang difikirkan. Berikut itu, kampung yang berusia lebih 100 tahun itu amat jauh berbeza dengan pembangunan sekitar segi tiga emas Kuala Lumpur yang begitu pesat membangun terutama di sekitar Menara Berkembar Petronas. Mungkin ada yang berpendapat bahawa usaha mempertahankan Kampung Baru sebagai lambang dan identiti Melayu, adalah pendapat usang dan lapuk. Mungkin kerana terlalu sayangkan secebis harta di Kampung Baru, mereka terlupa bahawa identiti dan imej Melayu yang sebenarnya bukanlah seperti yang dilihat di Kampung Baru. Imej dan identiti Melayu bandar sudah lama berubah. Lihat Taman Tun Dr Ismail, Bandar Tun Razak atau Subang Jaya. Masyarakat Melayu sudah lama menyesuaikan diri dengan suasana hidup di bandar tanpa mengorbankan identiti dan budaya mereka sebagai bangsa Melayu. Hidup di kondominium mewah dengan kompleks beli-belah dan hotel lima bintang tersergam indah di sebelahnya tidak akan menghilangkan identiti dan budaya Melayu. Masyarakat Kampung Baru tentu sekali sedar betapa tanah mereka, walaupun besarnya hanya sekangkang kera, amat tinggi nilainya. Namun, jika ia tidak dibangunkan dengan sempurna, nilainya tetap kekal di takuk lama iaitu RM350 sekaki persegi berbanding lebih RM2,000 sekaki persegi di kawasan sekitar segi tiga emas.

Bagaimanapun, lawatan Datuk Seri Najib Razak ke Kampung Baru kelmarin membuka sinar baru yang boleh meyakinkan penduduk di situ apabila Perdana Menteri mengumumkan bahawa kampung itu akan dibangunkan mengikut konsep pembangunan moden tanpa meminggirkan hak penduduk terutama 1,000 pemilik tanah, dengan memberi peluang kepada mereka menentukan corak dan kaedah pembangunan yang sesuai. Sebenarnya, inilah yang dimahukan penduduk Kampung Baru selama ini. Mereka bukan antipembangunan tetapi mahu jaminan kerajaan akan hak pegangan tanah mereka kekal kerana jika tidak, mereka bukan saja hilang hak, malah kemungkinan akan 'ditelan' arus pembangunan ibu kota. Selepas ini mereka terutama jawatankuasa pembangunan kampung boleh berbincang apakah yang terbaik untuk mereka. Seperti kata Najib, era baru bagi Kampung Baru akan bermula sebaik penduduk menerima cadangan kerajaan yang berhasrat membangunkan kawasan itu dengan bangunan pencakar langit, kondominium, pusat beli-belah dan penempatan, selain menawarkan ruang perniagaan untuk Bumiputera. Jika dibangunkan mengikut cadangan kerajaan itu, nilai tanah di Kampung Baru akan melonjak dan nilai potensinya dianggarkan lebih RM20 bilion. Kita cadangkan supaya dialog kerap diadakan bagi memperincikan pelan pembangunan yang diharapkan dijalankan dengan telus.